

# Dr M: Tertib dan sopan para perwakilan boleh dipuji

TIMBALAN Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memuji sikap perwakilan UMNO yang tertib dan bersopan semasa menghadiri Perhimpunan Agung UMNO kali ini.

Mereka juga mengeluarkan pendapat-pendapat tepat dan menfaat jika dibandingkan dengan masa-masa lampau.

Beliau memberitahu Bernama ketika diminta mengulas Perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung di sini sejak dua

## KUALA LUMPUR, Ahad

hari lalu.

Menurutnya, ini membuktikan pemikiran perwakilan UMNO sudah cukup matang.

Beliau menambah, Perhimpunan Agung hari ini tidak begitu tegang kerana tidak ada pemilihan ahli-ahli Majlis Tertinggi.

Menurutnya, suasana yang harmoni dan bersopan santun di Perhimpunan Agung kali ini membolehkan perwakilan membincangkan banyak usul dan hujah yang dikeluarkan pun bernas dan

menarik.

Sementara Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat yang juga ahli Majlis Tertinggi UMNO pula berkata, perhimpunan kali ini berjalan dengan baik dan lancar disebabkan perwakilan-perwakilan sudah menunjukkan kematangan berpolitikanya.

Beliau juga memuji perwakilan yang begitu serius di perhimpunan kali ini.

Ini dapat dilihat kerana Dewan Sentiasa penuh dengan perwakilan dan tidak ada keluar masuk begitu juga pemerhati.

"Mereka begitu berminat

dengan tiap-tiap perkara yang dibincangkan lebih-lebih lagi adanya isu-isu penting antarabangsa yang dibincangkan," tambahnya.

Mengenal perwakilan dari bahagian-bahagian di perhimpunan pula, beliau mema gembira kerana perwakilan kali ini terdapat hampir-hampir sama banyak tenaga dewasa dan muda.

"Saya mengharapkan dan merasa perjuangan UMNO masa depan akan cerah dan perjuangannya dapat menjwal pendapat seluruh rakyat dan lapan seri meninggalkan kesan yang baik," tambahnya.

Datuk Mohamad Rahmat mensifatkan pemikiran perwakilan di perhimpunan kali ini meningkat baik dan nampaknya mereka memahami dasar-dasar dan rancangan Kerajaan dan parti.

Seorang lagi ahli Exco UMNO, Datuk Sri Kamaruddin bin Haji Mohammad Isa yang juga Duta Malaysia ke Arab Saudi, memuji perwakilan UMNO kali ini.

"Mereka bukan sahaja memberikan fikiran membina dan bercakap dengan baik dan teratur malah ada di antara pandangan-pandangan mereka yang berguna," katanya.

Beliau juga memuji sikap perwakilan yang begitu khusuk mengedang tiap-tiap pandangan dan jawapan yang diberikan oleh para menteri dan ahli-ahli Majlis Tertinggi.

"Mereka begitu khusuk mendengar jawapan para menteri dan ahli-ahli Majlis Tertinggi kerana dapat membantu mereka dalam menghadapi rakyat yang tidak faham atas satu-satu masalah yang dihadapi," tambahnya lagi. — Bernama.



■ Anak Datuk Hussein, Cik Rozia

(dua dari kiri) begitu tekun ketika duduk di antara para pemerhati di Perhimpunan Agung Khas UMNO di Hotel Hilton semalam.